

UMS tersenarai 10 pendebat terbaik

UB 06.03.2012 A2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menghantar satu pasukan Debat Bahasa Melayu sempena Debat Integriti yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama Majlis Universiti-universiti Malaysia (Madum) pada 24-28 Mac 2012 di Universiti Malaysia Pahang.

Pasukan UMS telah memenangi lima daripada enam perlawanan peringkat saringan sekaligus melayakkan diri masuk ke suku akhir dengan bertemu pasukan tuan rumah iaitu Universiti Malaysia Pahang. UMS juga memperbaiki kedudukan dengan berada di kedudukan ketiga secara keseluruhan pada peringkat pusingan awal.

Peserta debat UMS iaitu Jufazli Shi Ahmad yang merupakan pelajar Sekolah Sains Sosial UMS telah muncul sebagai pendebat terbaik yang berada dalam kedudukan ketujuh keseluruhan ranking pendebat.